



PERSATUAN SAINS MATEMATIK MALAYSIA (PERSAMA)  
(*Malaysian Mathematical Sciences Society*)  
d/a Pusat Pengajian Sains Matematik  
Fakulti Sains & Teknologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan  
www.persama.org.my

1 February 2018

**SEMUA KETUA JABATAN  
SEMUA AHLI AKADEMIK  
MEREKA YANG BERKENAAN**

Y.Bhg Dato'/ Datin/Prof/ Prof Madya/ Dr/ Tn/Pn/En/Cik,

**PENCALONAN BAHAN-BAHAN ILMIAH UNTUK ANUGERAH PERSATUAN SAINS MATEMATIK MALAYSIA  
(PERSAMA) 2018**

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) akan menganjurkan Anugerah PERSAMA 2018 yang akan diadakan semasa Simposium Kebangsaan Sains Matematik Ke 26 (SKSM26) di Kota Kinabalu, Sabah anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 28-29 November 2018.

2. Sehubungan dengan itu, saya bagi pihak PERSAMA memohon kerjasama dari pihak Y.Bhg Dato'/ Datin/Prof/ Prof Madya/ Dr/ Tn/Pn/En/Cik untuk mencalonkan bahan-bahan ilmiah terbitan Jabatan saudara atau pencalonan individu untuk Anugerah PERSAMA 2018 bagi kategori berikut.

- |                           |                         |
|---------------------------|-------------------------|
| i. Buku Karya Asli        | v. Makalah Ilmiah       |
| ii. Buku Karya Terjemahan | vi. Rekaipata Matematik |
| iii. Tesis Sarjana        | vii. Rencana popular    |
| iv. Tesis Doktor Falsafah |                         |

3. Hadiah bagi pemenang utama dan beberapa pemenang saguhati berupa wang tunai serta sijil dari PERSAMA. **Untuk makluman, pencalonan dari Jabatan amat digalakkan tetapi pencalonan dari individu juga turut diterima.** Bersama-sama ini dilampirkan garis panduan anugerah bagi setiap kategori untuk tindakan Y.Bhg Dato'/ Datin/Prof/ Prof Madya/ Dr/ Tn/Pn/En/Cik seterusnya (Lampiran I). Untuk makluman, tarikh tutup pencalonan adalah pada **15 Mei 2018**. Sila hantarkan bahan-bahan ilmiah yang berkaitan **berserta borang pencalonan** terus kepada saya di alamat di bawah. Borang pencalonan boleh juga didapati di laman web PERSAMA di [www.persama.org.my](http://www.persama.org.my).

4. Sebarang pertanyaan juga boleh diajukan terus kepada saya. Mohon kerjasama saudara untuk menghebahkan maklumat ini kepada semua staf akademik di Jabatan saudara.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih. *Wassalam*.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang menjalankan tugas,

Dr Humaida Banu binti Samsudin  
Penyelaras Anugerah PERSAMA 2018  
d/a Pusat Pengajian Sains Matematik, Fakulti Sains & Teknologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-89215723 (pej), 017-3623463 (h/p) Mel-e: [humaida@ukm.edu.my](mailto:humaida@ukm.edu.my)

## **GARIS PANDUAN ANUGERAH PERSAMA 2018**

### **SYARAT-SYARAT UMUM PERTANDINGAN**

1. Calon adalah rakyat Malaysia. Jika bahan ilmiah ditulis/diterbitkan oleh lebih dari seorang, sekurang-kurangnya seorang daripada mereka mestilah rakyat Malaysia.
2. Keutamaan diberi kepada ahli PERSAMA.
3. Karya tersebut mestilah diterbitkan dalam tahun **2017**.
4. Karya tersebut tidak dihasilkan oleh ahli Majlis Eksekutif PERSAMA/ ahli jawatankuasa/ panel hakim pertandingan (sepenuhnya atau bersama).
5. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

# SYARAT-SYARAT KHUSUS PERTANDINGAN

## KATEGORI BUKU KARYA ASLI DAN BUKU TERJEMAHAN

Senaskhah buku berserta borang pencalonan hendaklah dihantar terus kepada Penyelaras Anugerah PERSAMA selewat-lewatnya pada **15 Mei 2018** untuk proses saringan awal.

Penilaian dilakukan berdasarkan kepada beberapa perkara berikut:

### Karya Asli

1. Mestilah diterbitkan oleh penerbit tempatan.
2. Buku-buku tersebut mestilah berunsurkan Sains Matematik, Sains Komputer, Statistik, Matematik Ekonomi dan Kewangan, Matematik Kejuruteraan, Matematik Pendidikan, atau Sejarah dan Falsafah Matematik.
3. Tahap ilmu universiti dalam Bahasa Melayu (atau Bahasa Inggeris) dan karya bukan ahli jawatan kuasa/panel penilai/hakim pertandingan ini. Buku yang ditulis dalam Bahasa Melayu adalah diutamakan.
4. Kepribumian karya: Kefasihan bahasa, nahu, keretorikan, ketepatan istilah, kepercayaan kepada Bahasa Melayu (atau Bahasa Inggeris) seperti terpancar menerusi ketiadaan istilah atau ungkapan yang dipetik daripada bahasa/sumber lain; bahan yang tidak asing daripada bahan/budaya setempat, atau serantau.
5. Keaslian idea, bahan, pendekatan, pengolahan, dan penyusunan.
6. Keikhlasan, ketanggunganjawaban dan keintegritian yang terpancar menerusi kejelasan hujah dan sumber.
7. Ketelitian akademik.
8. Mutu perbukuan: bentuk luarannya, rujukan, indeks dan sebagainya.

### Karya Terjemahan

1. Tahap ilmu universiti dalam **Bahasa Melayu** dan karya bukan ahli jawatan kuasa/panel penilai/hakim pertandingan ini.
2. Keklasikan/keistimewaan buku aslinya daripada pelbagai aspek termasuk ketelitian akademiknya.
3. Sumbangan penterjemah kepada ilmu yang diterjemahkannya, seperti menerusi tafsirannya, dan penjelasannya (bukan sekadar terjemahan harafiah).
4. Mutu bahasa terjemahannya sama dengan dalam kriterium 2 dalam karya asli di atas.

## KATEGORI TESIS SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH

Setiap jabatan/fakulti berkenaan atau Sekolah Pengajian Siswazah dari IPT tempatan diminta mencalonkan tesis yang terbaik dari Jabatan/Fakulti berkenaan (fakulti terletaknya pengajian sains matematik) dalam kategori Sarjana dan Doktor Falsafah. Maklumat tesis yang dicalonkan itu hendaklah disertakan dengan

1. **Salinan muka depan tesis**
2. **Abstrak tesis**
3. **Salinan laporan pengerusi, pemeriksa luar dan pemeriksa dalam**
4. **Salinan *softcopy* keseluruhan tesis dalam bentuk CD**
5. **Senarai penerbitan yang terhasil dari penulisan/penyelidikan tesis tersebut.**
6. **Salinan surat senat.**

Bahan-bahan tersebut berserta borang pencalonan hendaklah dihantar terus kepada Penyelaras Anugerah PERSAMA selewat-lewatnya pada **15 Mei 2018**. Hanya tesis yang mencapai taraf cemerlang sahaja yang dipertimbangkan oleh jawatan kuasa atau panel hakim hadiah ini.

Pencalonan individu juga boleh diterima tetapi mesti melalui dan diperakukan oleh pihak jabatan/fakulti berkenaan atau Sekolah Pengajian Siswazah dari IPT yang menganugerahkan ijazah tersebut.

## KATEGORI MAKALAH ILMIAH

Setiap penerbit/jabatan/fakulti berkenaan dari IPT tempatan diminta mencalonkan makalah terbaik dari Jabatan/Fakulti di tempat terletaknya pengajian sains matematik. Bidang Sains Matematik ialah yang merangkumi semua pengajian yang ber matematik seperti yang diiktiraf oleh PERSAMA.

**Tiga salinan makalah** yang dicalonkan bersama-sama **salinan muka depan jurnal** dan borang pencalonan hendaklah dihantar terus kepada Penyelaras Anugerah PERSAMA selewat-lewatnya pada **15 Mei 2018**. Pencalonan dari individu juga boleh diterima.

### **Kriteria Makalah Ilmiah:**

1. Mestilah diterbitkan oleh jurnal-jurnal tempatan
2. Ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris

## KATEGORI REKACIPTA MATEMATIK

Penyertaan adalah dibuka kepada semua ahli akademik bidang sains matematik. Tujuan pertandingan diadakan adalah untuk menghasilkan daya kreatif dan inovasi dalam bidang sains matematik di kalangan ahli-ahli akademik bidang ini. Hasil rekacipta mestilah berbentuk idea, konsep, sistem, proses, teknik atau perisian yang mempunyai elemen matematik.

### Kriteria Rekacipta Matematik :

1. Mempunyai elemen matematik
2. Rekacipta asli
3. Hasil dari penyelidikan
4. Mempunyai nilai komersil
5. Mesra pengguna
6. Rekacipta yang telah memenangi mana-mana anugerah daripada mana-mana persatuan selain dari PERSAMA boleh dipertimbangkan

Hasil rekacipta yang dicalonkan (dalam bentuk CD dan poster/pamphlet dan sebagainya) berserta borang pencalonan hendaklah dihantar terus kepada Penyelaras Anugerah PERSAMA selewat-lewatnya pada **15 Mei 2018**.

## KATEGORI RENCANA POPULAR

Salah satu matlamat PERSAMA ialah untuk mendidik masyarakat umum tentang peranan dan keberkesanan sains matematik dalam pembangunan negara khususnya Malaysia. Anugerah ini dizahirkan khas kepada para penulis yang mampu membantu PERSAMA untuk mencapai matlamat ini. Penulisan yang membincangkan permasalahan pendidikan sains matematik di tanah air pada semua peringkat juga akan dipertimbangkan.

Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk yang telah diterbitkan (berserta satu salinan fotokopi) dan borang pencalonan terus kepada Penyelaras Anugerah PERSAMA selewat-lewatnya pada **15 Mei 2018**. Bahan pencalonan asal akan dipulang semula dengan permintaan.

Dengan ini, pihak PERSAMA mengalu-alukan penyertaan daripada semua penulis tempatan untuk merebut anugerah ini tertakluk kepada syarat-syarat dan kriteria berikut :

### **Kriteria Rencana Popular:**

1. Penulisan berkenaan hendaklah terbit dalam akhbar atau majalah tempatan.
2. Penulisan yang terbit dalam majalah dalaman yang agak luas skop pembacanya juga akan dipertimbangkan (contohnya terbitan dalam Universiti).
3. Mempunyai elemen sains matematik.
4. Jalan bahasanya sesuai kepada mereka yang berkepakaran di luar bidang sains matematik.
5. Keutamaan diberikan kepada penulisan dalam Bahasa Melayu.